

01 SEP 2002

Pemuda-Perang/I

PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG "PERANG" PALING PENTING BN

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Pilihan raya umum akan datang yang akan diadakan dalam masa dua tahun, merupakan satu daripada "perang paling penting dan kritikal" yang pernah dilalui oleh parti pemerintah kerajaan Barisan Nasional (BN), kata ketua Pemuda BN Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

"Pilihan raya umum akan datang bakal menjadi perang paling penting, tidak sahaja kepada BN malah untuk generasi akan datang dan untuk itu, kita mesti bersedia untuk memerangi taktik kotor pembangkang kerana hanya BN sahaja boleh menjamin masa depan negara ini," katanya.

Beliau berkata 14 parti komponen BN, sama ada suka atau tidak, mesti bersedia sepenuhnya untuk berhadapan dengan peperangan ini memadamkan pembangkang sedia berbuat apa sahaja untuk mengambil alih pemerintahan negara.

"Mereka (parti pembangkang) mencari keuntungan sementara tetapi kita tidak sahaja menjaga keadaan semasa, malah untuk masa depan... kita perlu bersedia untuk perang ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung Pemuda Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Hishammuddin berkata pemimpin tertinggi BN telah meminta semua parti komponen bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya dan kesemua 14 parti komponen kini sedang memperhalusi jentera pilihan raya masing-masing.

Beliau menggesa parti komponen mengetepikan semua pertikaian dalaman parti dan menumpu serta bersedia untuk pilihan raya umum memadamkan perselisihan dalam politik boleh memberi gambaran negatif mengenai parti terbabit kepada rakyat.

"Masalah dalaman yang kecil-kecil perlu diselesaikan dalam parti... mereka mempunyai formula sendiri untuk menyelesaikan masalah, jadi adalah baik jika semua masalah diselesaikan sebelum kita pergi berperang," katanya.

Hishammuddin bagaimanapun tidak bersetuju bahawa perselisihan dalaman yang berlaku di kalangan sesetengah parti komponen BN akan menyebabkan kemerosotan sokongan kepada gabungan itu, yang telah mengemudi negara sejak mencapai kemerdekaan 45 tahun lepas.

Mengenai gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membersihkan daftar pemilih kerana didapati mengandungi pengundi hantu, Hishammuddin berkata perkara itu dikesan semasa pilihan raya kecil Anak Bukit baru-baru ini.

"Kami mempunyai maklumat bahawa PAS membawa masuk ramai pengundi luar sehari sebelum pilihan raya kecil di Anak Bukit... sebilangan pengundi berdaftar di kawasan itu mendapati nama mereka tiada dalam senarai, inilah keadaan yang berlaku tetapi mereka (PAS) mendakwa bahawa BN membawa masuk pengundi hantu... ini tidak betul," katanya.

Sambil menyuarakan semula gesaan Dr Mahathir, Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata SPR wajar mengambil langkah perlu untuk memastikan daftar pengundi bersih.

Menurutnya pendedahan bahawa pembangkang cuba menggunakan angkatan tentera negara untuk mengguling kerajaan, Hishammuddin berkata beliau percaya pembangkang sanggup menggunakan taktik kotor itu dalam usaha mereka untuk mengambil alih kepimpinan negara.

"Saya tidak terkejut sama sekali, mereka (parti pembangkang) akan lakukan apa sahaja untuk berkuasa... mereka boleh memperdayakan rakyat dengan apa sahaja yang mereka fikirkan," katanya.

Mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini yang mencadangkan supaya para suami yang meninggalkan isteri masing-masing disebat, Hishammuddin berkata inilah antara contoh bagaimana PAS cuba memenangi hati rakyat.

Menurutnya kerajaan pimpinan PAS Kelantan tidak bertanggungjawab ketika membuat cadangan itu kerana ia "tidak membawa kemajuan kepada rakyat tetapi hanya memperlihatkan kepimpinan parti itu yang ekstreme."

Hishammuddin berkata parti komponen BN perlu bersatu untuk menghadapi cabaran pembangkang memadamkan peperangan itu bukan semata-mata untuk parti memerintah, malah untuk generasi yang akan datang.

"Hanya kerajaan BN dapat membawa kejayaan kepada negara dan rakyat, pembangkang hanya cuba menggunakan formula BN tetapi kecundang... mereka lebih berminat supaya rakyat berfikir sempit dan berjuang sesama mereka untuk mendapat jawatan.

"Setakat ini apa sahaja yang ada di kalangan gabungan pembangkang bukan kerana ideologi mereka tetapi mereka mahukan kuasa... mereka tahu satu parti pembangkang tidak mampu memerintah bersendirian, jadi mereka mencari kawan dan cuba memerintah negara ini," katanya.

Hishammuddin berkata parti komponen BN perlu berjuang ketitisan darah terakhir dalam memastikan parti-parti politik yang berfikir sempit tidak mengambil alih negara dengan cara menipu rakyat.

Hishammuddin juga berkata rakyat Malaysia, dalam semangat "Merdeka", wajar memikirkan perjuangan pahit negara untuk mencapai kemerdekaan.

"Jangan sekali-kali berfikir kita sudah selamat, kita belum selamat kerana ada di kalangan kita yang mahu menarik kita semula kepada zaman gelap dengan kita menderita dan bekerja untuk orang lain," katanya.

-- BERNAMA

SR AT HS LAT